



Keadaan di bahagian hadapan rumah Rokiah digenangi air.



Mohd Khairul mengemas barang di bahagian dapur rumah yang dipenuhi air bertakung.

Terpaksa hidup dalam air

Warga emas sekeluarga berdepan banjir kilat akibat pemetung tertimbus

MERBAU PULAS – “Setiap kali hujan, pasti rumah makcik dimasuki air dan bertakung. Inilah senario yang terpaksa mak cik hadapi dan berharap ia berakhir secepat mungkin.”

Demikian luahan warga emas, Rokiah Awang, 68, yang tinggal bersama lapan ahli keluarganya, yang sedih setiap kali berdepan situasi berkenaan.

Terbaru, dalam kejadian jam 4 petang kelmarin, Rokiah dan ahli keluarganya terpaksa bertungkus-lumus mengemas barang-barang apabila seluruh rumahnya dimasuki air akibat hujan lebat.

Tambah memilukan, mereka sekeluarga bukan sahaja terpaksa berada dalam air dalam tempoh beberapa jam akibat air bertakung selepas pemetung sedia ada ditimbus, tetapi ia turut menyebabkan urus niaga kedai kopi di ruangan hadapan rumah terganggu.

Menurut Rokiah, masalah banjir kilat akibat air bertakung itu mula dihadapi dia sekeluarga sejak tiga bulan lalu, setelah kerja-kerja menambun tanah bersebelahan rumahnya dilakukan hingga menyebabkan pemetung yang ada di situ tertimbus.

“Ada kerja-kerja menambun tanah dilakukan di keseluruhan tanah sebelah rumah makcik yang merupakan kawasan lembah, mengakibatkan pemetung yang ada dipercayai tertimbus.

“Kesannya setiap kali hujan, rumah makcik menjadi mangsa banjir kilat kerana air bertakung. Hati mana tidak tersentuh melihat seluruh ru-



“Setiap kali hujan, pasti rumah makcik dimasuki air bertakung. Mahu atau tidak inilah senario terpaksa mak cik hadapi.”

Rokiah

mah dipenuhi air termasuk di bahagian bilik,” katanya.

Menurutnya, selama 30 tahun tinggal di situ, dia tidak pernah mengalami masalah berkenaan.

“Namun sejak tiga bulan lalu sudah beberapa kali makcik sekeluarga seolah-olah tinggal dalam air setiap kali hujan. Hanya ALLAH yang tahu perasaan sedih dihadapi,” katanya kepada Sinar Harian.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi kejadian petang kelmarin mendapati, Penghulu Mukim Tanggol, Mohd Jefri Din Salleh serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Merbau Pulas, Muhamad Mat



Keadaan di bahagian ruang tamu rumah Rokiah dipenuhi air.

Noor turut turun padang meninjau kawasan.

Siap sedia pindah barang setiap kali cuaca mendung

SEMENTARA itu, cucunya, Mohd Khairul Asraff, 24, berkata, setiap kali cuaca mendung dia sekeluarga bersiap-sedia untuk memindahkan barang-barang bernilai di atas meja kerana air masuk ke rumah kira-kira 0.5 meter.

“Walaupun hujan lebat tidak sampai sejam, rumah kami mula dimasuki air. Kami terpaksa tinggal dalam ke-

adaan air bertakung kerana seluruh rumah termasuk bilik tidur dan ruang tamu dipenuhi air.

“Jika tiada tindakan segera, tidak mustahil kami sekeluarga terpaksa bermalam dalam keadaan rumah dipenuhi air; lebih-lebih lagi musim tengkujuh semakin hampir,” katanya.

Sudah maklum kepada MDHT

DALAM pada itu, Pengerusi JKKK Merbau Pulas, Muhammad Mat Noor berkata, pihaknya sedia maklum mengenai masalah tersebut dan

telah pun mengambil tindakan awal dengan menghantar surat makluman berkaitan kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT).

“Surat itu telah kita hantar kepada MDHT Isnin lalu dan mohon jasa baik MDHT bagi menjalankan kerja-kerja menggali pemetung yang tertimbus itu agar aliran air kembali lancar seperti sedia kala.

“Kawasan ini masih di bawah kawasan operasi MDHT. Kita masih menunggu maklum balas daripada MDHT dan diharapkan ia mendapat perhatian sewajarnya,” katanya.